



NPRA

BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA

“

MISI

Menjamin kesihatan rakyat melalui kawalan regulatori ubat-ubatan dan kosmetik berlandaskan kecemerlangan saintifik.

”



National Pharmaceutical
Regulatory Agency
(NPRA)

Lot 36, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.



+603-7883 5400



<https://www.npra.gov.my>



6 PUSAT DI NPRA

PUSAT PENDAFTARAN PRODUK

Menjalankan aktiviti berkaitan pendaftaran produk farmaseutikal yang dinilai dari aspek keselamatan, efikasi, dan kualiti; manakala ubat tradisional dinilai dari aspek keselamatan dan kualiti.

PUSAT PEMBANGUNAN & PERANCANGAN

STRATEGIK

Terlibat dalam dasar & komunikasi berkaitan industri dan badan berkepentingan, pengurusan sistem QUEST3+, pengurusan latihan dalam negeri dan luar negeri.

PUSAT KAWALAN KUALITI

Menjalankan ujian analitikal, farmaseutikal, mikrobiologi dan farmakologi ke atas ubat-ubatan & kosmetik untuk menentukan kualiti, efikasi & keselamatan produk di pasaran.

PUSAT PERLESENAN & KOMPLIANS

Melaksanakan skim perlesenan dan komplians terhadap pengilang, pengimport & pemborong farmaseutikal.

PUSAT KAJIAN PRODUK

BARU

Mengawal selia ujian klinikal, bioekuivalens, pemantauan, skim perlesenan bagi ujian klinikal, Amalan Makmal Baik & Amalan Klinikal Baik.

PUSAT PASCA

PENDAFTARAN PRODUK & KAWALAN KOSMETIK

Melaksanakan skim Panggil Balik Produk bagi produk farmaseutikal, Skim Kawalan Kosmetik dan Program Permonitoran Kesan Advers Ubat bagi memastikan keselamatan dan kualiti produk di pasaran.



VISI

**Menjadi badan
regulatori bagi
ubat-ubatan
dan kosmetik
yang disegani
dunia.**

